

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 81

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status perbincangan dengan Singapura berkaitan projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura yang telah ditamatkan dengan pembayaran ganti-rugi RM320 juta kepada Singapura serta status projek gantian HSR KL Johor Bahru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini Kementerian Pengangkutan belum memulakan sebarang perundingan dengan Kerajaan Singapura setelah keputusan dibuat untuk melaksanakan Projek HSR Kuala Lumpur-Iskandar Puteri (KL-IP). Kementerian Pengangkutan bersama-sama Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang mengadakan perbincangan lanjut bagi meneliti aspek teknikal, komersil dan pembiayaan projek HSR KL-IP menggunakan model baharu.

Sekian, terima kasih.